

D744

U 8506 DEB
MAHATHIR - PENDIDIKAN

KUALA LUMPUR, 8 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MAHU SISTEM PENDIDIKAN NEGARA MENGUTAMAKAN PENEKANAN KEPADA LATIHAN KEROHANIAN YANG SESUAI DENGAN ZAMAN, BERSAMA-SAMA DENGAN DIDIKAN DALAM BIDANG ILMU YANG JUGA SESUAI DENGAN PEMBANGUNAN BANGSA DAN NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU YAKIN SEMUA GURU SEDAR TENTANG HAKIKAT ITU TETAPI MASYARAKAT DI MALAYSIA TIDAK MENGANGGAP DIDIKAN YANG BOLEH MEMBENTUK PERIBADI MULIA, SEBAGAI SAMA PENTING ATAU LEBIH PENTING, DARIPADA IJAZAH KEILMUAN.

SEMASA BERUCAP MERASMIKAN HARI GURU 1990 PERINGKAT KEBANGSAAN DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC) DI SINI HARI INI, BELIAU BERKATA JIKA MASYARAKAT DAPAT MENYUSUN KEUTAMAANNYA DAN PERCAYA BAHAWA PERIBADI YANG MULIA ADALAH PENTING DALAM MENENTUKAN KEJAYAAN DAN KEBAHAGIAN, MAKA PARA GURU PATUTLAH DIBERI PERANAN UTAMA DALAM MENYEBAR NILAI-NILAI ITU KEPADA GENERASI MUDA.

+INSYA-ALLAH AKAN TERBENTUKLAH SATU MASYARAKAT YANG LEBIH BAIK DAN LEBIH BERJAYA DARIPADA YANG ADA SEKARANG,+ KATANYA.

KETIKA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS MAJLIS ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBAYANGKAN KESALNYA KERANA WUJUDNYA SEBILANGAN PENJENAYAH DI NEGARA INI DARIPADA GOLONGAN TERPELAJAR.

+KITA MELANTIK MEREKA MENJADI PENGURUS DAN PENGARAH BANK KERANA PENDIDIKAN MEREKA YANG TINGGI, TETAPI SEBALIKNYA MEREKA MENGGUNAKAN ILMU ITU UNTUK MENIPU,+ TAMBAHNYA. -- LAGI.
1222MST 08 06 90

D745

U 8507 DEB
MAHATHIR - PENDIDIKAN 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA TIDAK GUNA MEMPUNYAI ILMU YANG TINGGI JIKA TIDAK MEMPUNYAI PERIBADI YANG MULIA.

DALAM UCAPANNYA PADA MAJLIS YANG DIHADIRI LEBIH 1,000 ORANG GURU ITU, BELIAU BERKATA SEBENARNYA DIDIKAN YANG BERTUJUAN MEMBENTUK PERIBADI YANG MULIA LEBIH PENTING DARIPADA ILMU.

KATANYA DALAM MASYARAKAT SEKARANG, PENYALAHGUNAAN ILMU OLEH MEREKA YANG BERPENGETAHUAN SEMAKIN MELUAS.

+SEBAB ITU, SENJATA YANG KEJAM DICIPTA DAN JENAYAH YANG BESAR DILAKUKAN OLEH ORANG YANG TERPELAJAR.

+SEBAB ITULAH JUGA PENIPUAN YANG BESAR BERLAKU DALAM PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN,+ TEGASNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PADA ZAMAN SEKARANG JUGA PERANAN GURU DALAM PEMBENTUKAN PERIBADI MURID, BAKAL WARGANEGARA DEWASA, MASIH ADA DAN DIPERLUKAN.

PERBAHASAN SAMA ADA GURU ATAU IBU BAPA YANG BERTANGGUNGJAWAB DALAM HAL ITU TIDAK HARUS BERLAKU.

+IBU BAPA MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB MEREKA DAN GURU JUGA MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB,+ KATANYA. -- LAGI.
1231MST 08 06 90

U B510 DEB
MAHATHIR - PENDIDIKAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MEMANDANGKAN IBU BAPA TIDAK MUNGKIN DIBERI LATIHAN KHUSUS BERKENAAN DENGAN CARA PEMBENTUKAN PERIBADI MULIA, GURU BOLEH DIBERI LATIHAN ITU KERANA TIDAK SEMESTINYA SETIAP GURU TAHU SECARA TERSENDIRI SEMUA SISTEM NILAI MASYARAKAT.

KEADAAN YANG IDEAL IALAH APABILA DIWUJUDKAN MELALUI PENDIDIKAN, SATU MASYARAKAT YANG SOPAN DAN MULIA DAN YANG MEMPUNYAI CUKUP ILMU PENGETAHUAN UNTUK MEMBANGUN DAN MEMAJUKAN DIRI SENDIRI DAN MASYARAKAT, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA WALAUPUN UNSUR-UNSUR KETURUNAN MEMPUNYAI PERANAN DALAM MENGHADKAN KEMAMPUAN SESEORANG, PENDIDIKAN MORAL DAN ILMIAH YANG SESUAI DAN MENCUKUPI, AKAN DAPAT MEMBANGUNKAN POTENSINYA KE TAHAP YANG MAKSIMUM SEHINGGA DALAM KERJAYANYA IA AKAN DAPAT MENGGUNAKAN SEGALA KEMAMPUANNYA.

BELIAU BERKATA YANG TERPENTING UNTUK MENGADAKAN DIDIKAN YANG BERMUTU IALAH DEDIKASI DAN SEMANGAT GURU ITU SENDIRI= DEDIKASI DAN SEMANGAT YANG MENGENEPIKAN SOAL-SOAL LAIN, TERMASUK SOAL-SOAL PERIBADI, SEMASA MENGAJAR.

+WALAU APA SEKALIPUN MASALAH PERIBADI ATAU KUMPULAN YANG DIHADAPI, SEMUANYA HARUS DIKETEPIKAN SEMASA MENYAMPAIKAN PELAJARAN KEPADA MURID,+ TAMBAHNYA.

TEMA HARI GURU TAHUN INI IALAH +PENDIDIKAN BERMUTU MASYARAKAT SEJAHTERA+. -- LAGI.

1253MST 08 06 90

U B513 DEB
MAHATHIR - PENDIDIKAN 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENDIDIKAN BERMUTU BUKAN BERMAKNA JENIS ILMU TETAPI PENYAMPAIAN ILMU SECARA YANG BERKESAN.

KATANYA SUNGGUHPUN PUSAT-PUSAT LATIHAN PERGURUAN MEMBERI LATIHAN TENTANG CARA-CARA MENGAJAR, TETAPI ADA GURU YANG TERKENAL DAN DISAYANGI OLEH MURID KERANA CARA IA MENGAJAR MEMUDAHKAN PENYERAPAN ILMU OLEH MURID-MURID.

PADA MAJLIS ITU TIGA ORANG BEKAS GURU -- HAJI ABDULLAH SANI ABU BAKAR, 69, DARI KELANTAN, DATUK HAJI IDRIS TAIN, 58, (NEGERI SEMBILAN) DAN ENCIK MICHAEL GRAHAM PARRY, 59, (JOHOR) -- MASING-MASING DIANUGERAHI GELARAN TOKOH GURU 1990 DAN MENERIMA ANUGERAH MASING-MASING DARIPADA PERDANA MENTERI.

SEKOLAH MENENGAH DAMANSARA JAYA, PETALING JAYA (SELANGOR) MEMENANGI GELARAN SEKOLAH HARAPAN NEGARA BAGI PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH KAWASAN BANDAR DAN SEKOLAH MENENGAH SULTAN ABDUL JALIL SHAH, SEBERANG PERAK (PERAK) DAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI BESAR, SABAK BERNAM (SELANGOR) BAGI PERINGKAT LUAR BANDAR.

BAGI PERINGKAT SEKOLAH RENDAH PULA DIMENANGI OLEH SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI GELUGOR (PULAU PINANG) BAGI KAWASAN BANDAR DAN SEKOLAH KEBANGSAAN TANAH MERAH (KELANTAN) BAGI KAWASAN LUAR BANDAR. -- BERNAMA.

1303MST 08 06 90